

16.3.2021_Harian Metro_MOSTI_Khairy Jamaluddin_Khairy Penerima pertama Sinovac

Khairy penerima pertama Sinovac

Program vaksinasi Covid-19 keluaran China bermula Khamis ini

Bernama

Putrajaya

Malaysia akan menggunakan vaksin Covid-19 jenis Sinovac buatan China bermula Khamis ini.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin akan menjadi penerima pertama suntikan vaksin keluaran syarikat biofarmaseutikal dari China.

Mengumumkan perkara itu dalam sidang media mengenai perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di sini, semalam, Khairy berkata, beliau akan menerima suntikan pertama vaksin Sinovac itu di Hospital Rembau, Negeri Sembilan.

"Kita akan mula vaksinasi menggunakan vaksin Sinovac di Hospital Rembau dan sayalah orang pertama akan guna vaksin itu," katanya yang juga Ahli Parlimen Rembau.

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada 2 Mac meluluskan pendaftaran secara bersyarat bagi tiga vaksin Covid-19 untuk kegunaan semasa bencana iaitu *COVID-19 Vaccine AstraZeneca Solution for Injection*; *CoronaVac Suspension for Injection - Sinovac* dan *COMIRNATY Concentrate for Dispersion for Injection*.

Mengenai perolehan vaksin satu dos daripada syarikat Johnson & Johnson (J&J) dari Amerika Syarikat, Khairy berkata, Jawatan Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) memutuskan untuk tidak meneruskan perolehan vaksin itu.

"Mengenai J&J, kami memutuskan untuk tidak meneruskannya pada masa ini kerana jadual penghantarannya yang tidak memuaskan hati kerajaan Malaysia. Mereka perlu kembali dengan jumlah yang lebih banyak dan jadual penghantaran pantas," katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba yang turut sama dalam sidang media itu berkata, suntikan dos kedua vaksin Pfizer-BioNTech diberikan mulai Rabu ini.

Malaysia memulakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada 24 Februari lalu dengan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima suntikan pertama daripada dua dos vaksin Pfizer-BioNTech.



Mengenai J&J, kami tidak meneruskannya pada masa ini kerana jadual penghantarannya tidak memuaskan hati kerajaan Malaysia"

Khairy Jamaluddin



SEORANG petugas kesihatan menyediakan vaksin Sinovac Biotech di pusat vaksinasi komuniti di Hangzhou, China.